

Azam enggan komen dakwaan anak-anak Tun M

CYBERJAYA: Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki enggan mengulas mengenai dakwaan dua anak lelaki Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa agensi tersebut sengaja menyasarkan bapa mereka Tun Dr Mahathir Mohamad berkaitan rasuah dan salah laku.

Azam memaklumkan beliau belum mendapat gambaran sebenar mengenai dakwaan Tan Sri Mokhzani dan Mirzan ketika sesi temu bual bersama agensi berita asing pada 23 Mac lalu.

"Tiada komen mengenai dakwaan itu ketika ini. Biar saya periksa fakta dahulu dan keluaran kenyataan kemudian," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber Blackberry di sini semalam.

Media semalam melaporkan Mokhzani dan Mirzan mendakwa bapa mereka menjadi sasaran dan suspek utama SPRM.

Mereka juga mendakwa telah diarahkan SPRM untuk membantu dalam siasatan terhadap Dr. Mahathir, 98.

Mokhzani dan Mirzan mengeluarkan kenyataan itu pada sesi temu bual dengan Bloomberg pada 23 Mac lalu di Kuala Lumpur.

Jelas Mokhzani, beliau ada meminta butiran penyiasatan terhadap bapa mereka namun, ia tidak dilayan SPRM.

Mokhzani pada sesi sama turut mengakui sukar mengingat semula asetnya pada masa lalu kerana ia dalam bentuk fizikal dan bukannya digital.

Pada Januari lalu, SPRM mengarahkan Mokhzani dan abangnya Mirzan mengisytiharkan aset masing-masing sejak 1981, iaitu pada tahun pertama Dr Mahathir menjadi perdana menteri.

Sebelum ini, Tun Dr Mahathir mendakwa tujuan SPRM menyasat anaknya, Mirzan adalah untuk pengumpulan bukti bagi mendakwa-nya di mahkamah.